

SOALAN NO: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

TARIKH: 19 JUN 2014

SOALAN:

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) adakah unjuran kenaikan gaji minima yang mula dilaksanakan pada Januari 2013 selari dengan kadar kos sara hidup dalam negara ini; dan
- (b) berapa jumlah syarikat yang belum laksanakan gaji minima dan apakah tindakan Kementerian sekiranya syarikat tidak mematuhi arahan berkenaan.

PR-1322-L62107

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

**(a) Kajian pelaksanaan gaji minimum**

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah melaksanakan dasar gaji minimum bermula Januari 2013 yang mana

matlamat utama dasar ini adalah untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi. Dalam hal ini, salah satu kriteria utama penetapan kadar gaji minimum adalah pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan sebagai indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja. Selain itu, indeks harga pengguna (IHP) juga digunakan bagi menyelaraskan kadar gaji minimum dengan peningkatan kos sara hidup. Sehubungan itu, elemen kos sara hidup telah diambilkira dalam penetapan kadar gaji minimum yang akan dikaji semula dalam tempoh dua tahun sekali supaya selari dengan keadaan ekonomi.

**(b) Status Penguatkuasaan gaji minimum**

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setakat 30 April 2014 jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 11,123 dan daripada jumlah tersebut didapati 250 (2%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.
  
3. Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difaiklan adalah sebanyak 342 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 88 (26%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 257 (74%) masih dalam tindakan pegawai.

4. Berkenaan dengan tindakan pendakwaan sebanyak 27 kertas pendakwaan telah dibuka dan dari jumlah ini 3 telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU). Untuk makluman, tindakan pendakwaan ini diambil selepas para majikan yang gagal melaksanakan gaji minimum masih berdegil dan tidak mengendahkan amaran yang dikeluarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 8**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan kepada peningkatan import dan eksport menerusi Pelabuhan Kuantan, dan pertumbuhan pesat aktiviti perdagangan di "Pacific Rim" yang meliputi Laut China Selatan:-

- (a) adakah Kementerian akan meningkatkan kapasiti Pelabuhan Kuantan; dan
- (b) adakah Kementerian akan menaik taraf kawasan persekitarannya agar lebih kondusif kepada pelaburan baru

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang melaksanakan projek pembangunan terminal laut dalam bersebelahan dengan kemudahan sedia ada Pelabuhan Kuantan. Pembinaan terminal laut dalam tersebut telah bermula pada tahun 2013 dan dijangkakan siap pada 2016. Dengan pembangunan terminal laut dalam tersebut, kapasiti Pelabuhan Kuantan akan meningkat dari 21 juta tan kepada 52 juta tan pada tahun 2016 serta berupaya mengendalikan kapal termasuk yang bersaiz besar.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Kerajaan sedang giat membangunkan Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ZEKWEPT) di mana salah satu program yang akan dilaksanakan adalah pembangunan *Kuantan Port City* (KPC). Dalam hal ini, KPC antara lainnya melibatkan projek pembesaran Pelabuhan Kuantan yang kini sedang berjalan.

Dalam pada itu, bagi merancakkan pelaburan di ZEKWEPT, Kerajaan telah membangunkan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) yang memberi peluang perniagaan dan pelaburan antara kedua-dua negara terutamanya dalam industri elektronik, besi keluli dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Selain dari projek pembangunan berkenaan, Kerajaan juga sedang/akan melaksanakan program menaiktaraf infrastruktur antara lainnya seperti:

- (i) menaiktaraf jalan persekutuan 3 dari Persimpangan Sungai Ular ke Persimpangan Jabor-Jerangau yang akan melibatkan dua fasa, di mana fasa pertama iaitu penaiktarafan persimpangan Sungai Ular ke Pelabuhan Kuantan dijangka siap pada Julai 2014; dan
- (ii) pembinaan Jalan KPC Port Link yang akan melibatkan empat fasa di mana fasa pertama iaitu pembinaan persimpangan bertingkat ke MCKIP sedang dalam proses tender dan kontraktor dijangka dilantik pada Jun 2014.